

20/01/2014 - Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara 2014

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Siregar Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Yang Berbahagia Ketua-ketua Perkhidmatan,

Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,

Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan para penggalas amanah Perkhidmatan Awam Malaysia yang dihormati sekalian.

1. Saya memanjatkan setinggi kesyukuran Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana di bawah rahmat dan inayahNya, kita masih diberi kesempatan untuk hadir bersama di Majlis Amanat KSN 2014 bersama penjawat awam pada petang ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2014 kepada para hadirin sekalian dan merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam di atas

penganjuran majlis ini yang membolehkan saya menyampaikan sepatah dua kata dan berinteraksi dengan para penjawat awam pada awal tahun 2014.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Encik Aziz Muda yang ada bersama-sama dengan kita pada hari ini, yang telah dipilih sebagai Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) untuk sesi 2013-2016. Tidak lupa juga kepada YBhg. Dato' Omar Osman, dimana saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh beliau sepanjang berkhidmat sebagai Presiden CUEPACS, terutamanya kerjasama yang telah diberikan kepada Kerajaan dan juga kepada saya serta barisan kepimpinan sektor perkhidmatan awam.

AMANAT YAB PERDANA MENTERI 2014: DASAR TRANSFORMASI NEGARA TERUS DIPERKASAKAN

Para hadirin sekalian,

3. Tahun 2013 baru sahaja melabuhkan tirainya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, dalam perhimpunan bulanan pertama dengan warga Jabatan Perdana Menteri pada 6 Januari yang lepas, telah memaklumkan mengenai keadaan ekonomi dunia pada masa ini memberikan **kelebihan kepada negara-negara yang melakukan transformasi**. **Transformasi** yang dimaksudkan adalah bersifat *structural*, iaitu kepada **dasar negara dan sistem penyampaian perkhidmatan awam** yang **berupaya meningkatkan daya saing negara**. Hanya dengan cara inilah, negara kita akan berupaya mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan. Negara kita, dibawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah pun menggariskan *structural reform* tersebut di dalam Dasar Transformasi Negara. Kita sebagai penjawat awam berperanan mendukung dan melaksanakan Dasar Transformasi Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Saudara dan saudari sekalian barangkali bertanya **apakah hubungkait transformasi yang dicanangkan dengan penjawat awam**. Sebenarnya, **apabila transformasi yang dilakukan berupaya meningkatkan daya saing negara, menjanakan kadar pertumbuhan ekonomi yang positif, Kerajaan akan dapat mempertimbangkan insentif dan kemudahan-kemudahan lain untuk kebajikan penjawat awam**.

4. Usaha transformasi Kerajaan telah menampakkan kejayaan apabila di pentas global, kita telah berjaya mendaki ke **kedudukan ke-6 daripada 189 buah negara ekonomi dunia di dalam Laporan World Bank Doing Business Report 2014**. Ini merupakan sebuah pencapaian yang begitu baik, pencapaian yang harus kita banggakan kerana setelah sekian lama kita berusaha memecah tembok kelompok 10 teratas di dalam penarafan tersebut. Alhamdulillah, impian ini tercapai juga.
5. Meskipun kita berbangga dengan pencapaian ini, tidaklah bermakna kita sudah boleh melepaskan sauh untuk berlabuh. *This success does not mean we have accomplished our mission. More needs to be done.* Banyak lagi usaha yang perlu dilakukan bagi melonjakkan Malaysia di dalam liga negara-negara maju. Penarafan dunia pada tahun lalu, seperti Global Innovation Index (GII) di mana kita berada di kedudukan ke-32, Global Competitiveness Report (GCR) oleh World Economic Forum (WEF) di mana kita berada di tempat ke-25, dan World Competitiveness Yearbook (WCY) oleh Institute for Management Development (IMD) yang meletakkan kita di tangga ke-15, adalah antara pengukuran daya saing antarabangsa yang mesti kita tingkatkan pencapaiannya. **Menjadi tanggungjawab saya mengingatkan para penjawat awam mengenai perlunya meneruskan usaha melaksanakan segala program-program transformasi yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan.** Perjalanan kita menuju Wawasan 2020, bagi membantu negara mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi, masih panjang dan penuh berliku. Justeru, para penjawat awam perlu melipat gandakan usaha memastikan kesinambungan inisiatif transformasi yang telah diperkenalkan sehingga ia membawa kepada kejayaan yang disasarkan.

PENJAWAT AWAM PERLU TAAT SETIA KEPADA RAJA, NEGARA DAN KERAJAAN

Para hadirin sekalian,

6. Sebagai tunjang kepada pelaksanaan dasar negara, penjawat awam perlulah menumpukan segala usaha dan tenaga ke arah memenuhi keperluan *stakeholders* kita. Dalam erti kata lain, **kita perlu menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Raja, Negara dan Kerajaan** seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah penting **demi memastikan kesinambungan pelaksanaan dasar dan kejayaan program**

serta inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Sekiranya prinsip asas ini tidak dipatuhi dan dihayati, maka ia akan menjelaskan keyakinan rakyat kepada perkhidmatan awam negara serta mendatangkan implikasi yang lebih meluas dari segi pelaburan asing yang mungkin terjejas akibat dasar yang tidak konsisten atau dilaksanakan sepenuhnya.

MEMPERKASA TADBIR URUS DAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

7. Dalam kesungguhan kita mengejar prestasi yang tinggi bagi penarafan antarabangsa, kita seharusnya juga memberikan perhatian **memperkasakan sistem tadbir urus dan integriti perkhidmatan awam**. Dalam hubungan ini, integriti merupakan asas kepada tadbir urus kerajaan yang baik. Dalam hubungan ini, **pencapaian kita di dalam Global Corruption Index (GCI) menunjukkan peningkatan daripada skor 4.9 pada tahun 2012 kepada 5.0 pada tahun 2013**. Berdasarkan kepada perkembangan positif tersebut, kita hendaklah memperhebatkan lagi usaha-usaha memerangi rasuah supaya dapat menghapuskan persepsi negatif yang boleh mencalarkan imej negara dan perkhidmatan awam. Membanteras rasuah dan menyuburkan budaya kerja penuh integriti adalah kewajipan kita bersama.
8. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, perkara yang sering mencemar nama baik kita adalah teguran audit dan laporan ketidakpatuhan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Laporan Ketua Audit Negara 2012 masih menunjukkan ketidakpatuhan kepada peraturan dan prosedur kewangan. **Sebanyak 378 teguran telah dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 yang melibatkan 111 (29%) teguran bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan, 38 (10%) teguran bagi Badan Berkanun dan 229 (61%) teguran bagi negeri.**
9. **Sebanyak 267 (71%) teguran audit melibatkan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dan tindakan penambahbaikan ini telah dan sedang diambil oleh agensi terlibat.** Manakala 111 (29%) teguran melibatkan 121 kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas.
10. Kerajaan memandang serius kepada perkara ini dan telah mengarahkan sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara

dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan seperti Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Audit Negara, Pesuruhjaya SPRM dan lain-lain pegawai kanan untuk mengambil tindakan susulan ke atas pegawai-pegawai yang didapati terlibat. Jawatankuasa siasatan yang ditubuhkan di peringkat kementerian serta SPRM telah menjalankan siasatan, dan tindakan tatatertib serta pendakwaan akan diambil terhadap mereka yang melakukan penyelewengan, menyalah guna kuasa dan salah laku. Sehubungan itu, saya menyeru supaya semua Ketua Jabatan agar dapat **meneliti semula peraturan-peraturan, prosedur dan proses kerja sedia ada**. Tindakan pembetulan adalah perlu supaya ketidakpatuhan tidak berterusan yang boleh membuka ruang kepada penyelewengan.

11. Selain itu, **tindakan pemantauan hendaklah dilaksanakan secara berkala** bagi memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual dan kelemahan serta kesilapan dapat dikesan lebih awal. **Semua Ketua Jabatan perlu sentiasa turun padang dan mengingatkan pegawai agar melaksanakan projek mengikut peraturan yang digariskan**. Dalam hubungan ini, INTAN akan melaksanakan latihan komprehensif melalui kursus Sijil Pengurusan Projek Awam mulai tahun 2014. Langkah ini antaranya bertujuan untuk menangani isu berkaitan pengurusan projek yang dibangkitkan dalam Laporan Audit.
12. Saya berharap agar seluruh warga penjawat awam mengambil iktibar daripada perkara ini dan sama-sama memikul tanggungjawab memastikan Perkhidmatan Awam ditadbir dengan penuh integriti serta sentiasa mematuhi peraturan kewangan. Sesungguhnya, nama baik Perkhidmatan Awam terletak di tangan kita.

LANGKAH-LANGKAH PERKHIDMATAN AWAM	PERBELANJAAN	BERHEMAT	SEKTOR
--	---------------------	-----------------	---------------

13. Secara umum, kita mengetahui bahawa defisit negara yang tinggi bukan sahaja merupakan indikator ekonomi yang tidak sihat, malah boleh menjelaskan keupayaan negara mendepani krisis ekonomi jika ia berlaku. **Rasionalisasi subsidi yang perlu dilakukan demi mengukuhkan kedudukan fiskal negara dan mengurangkan bajet defisit negara, dilaksanakan secara beransur-ansur kerana Kerajaan prihatin kepada kebijakan rakyat**. Perkhidmatan Awam telah memainkan peranan ke arah mengurangkan perbelanjaan awam dengan pengumuman 11 langkah-

langkah perbelanjaan berhemat yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Berdasarkan kepada kedudukan kewangan, **tidak ada satu pun daripada 11 langkah-langkah tersebut yang menyentuh mengenai Kumpulan Pelaksana**. Saya ingin menyingkap semula 11 langkah-langkah ini iaitu:

- Pengurangan Imbuhan Tetap Keraian bagi pegawai kanan Kerajaan dikurangkan di antara 5 hingga 10 peratus;
- Pengurangan kemudahan bayaran tol yang diberi kepada pegawai kanan Kerajaan daripada RM50 sehingga RM100;
- Pindaan kelayakan kelas tempat duduk penerbangan untuk perjalanan domestik dan antarabangsa bagi penjawat awam;
- Pengurangan sebanyak 5 peratus kos utiliti elektrik pada tahun 2014;
- Pembekuan pengubahsuaian ruang pejabat;
- Pengoptimuman penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis bagi kegunaan sebagai pejabat;
- Pelantikan perunding (*consultant*) perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) terlebih dahulu;
- Pengurangan penggunaan syarikat pengurusan acara (*event management*) serta pemberian sagu hati dan cenderamata;
- Pengurangan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran mesyuarat dan majlis rasmi Kerajaan;

- Pengurangan penggunaan kain pemidang (*bunting dan banner*) bagi penganjuran mesyuarat dan majlis rasmi Kerajaan; dan
 - Mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan mengoptimumkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) dan juga kemudahan di institusi milik Kerajaan.
14. Langkah-langkah ini mencerminkan **penjawat awam turut berkongsi impak pengurangan perbelanjaan bersama rakyat, selaras dengan konsep ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’**. Kalau kita melihat disini, sesetengah langkah-langkah ini menyentuh secara khususnya pegawai di peringkat pengurusan tertinggi. Saya ingin memaklumkan bahawa bagi **pegawai-pegawai JUSA C dan ke atas yang akan bersara pada tahun ini, gratuity yang bakal diterima tidak akan terjejas dengan pengurangan elaun keraian**.

PERANAN PENJAWAT AWAM UNTUK MENJELASKAN DASAR KERAJAAN; MENANGKIS DAKYAH-DAKYAH PALSU DAN PERSEPSI NEGATIF PIHAK TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

15. Dalam membawa perubahan, sudah pastinya akan melibatkan tindakan yang akan memberikan impak kepada rakyat. Walaupun demikian, **segala usaha transformasi Kerajaan, demi kesejahteraan rakyat dalam jangka masa panjang, akan mengambil kira pandangan dan kepentingan rakyat supaya ia tidak akan mendatangkan beban kepada rakyat termasuk kepada penjawat awam**. Rasionalisasi subsidi secara berperingkat, serta langkah-langkah perbelanjaan berhemat yang tidak merangkumi kumpulan pelaksana, mencerminkan komitmen Kerajaan ke arah ini. Sebenarnya, **walaupun rasionalisasi subsidi sedikit sebanyak akan meningkatkan kos sara hidup, ia tidaklah sampai kepada peningkatan mendadak harga barang**. Walaupun demikian, terdapat segelintir **pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba menangguk di air keruh**. Mereka ini mengambil kesempatan daripada rasionalisasi subsidi yang dilakukan untuk **mengaut keuntungan daripada rakyat dengan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya**. Ini ditambah pula dengan **tohmahan-tohmahan serta tuduhan palsu yang dilemparkan terhadap Kerajaan yang didakwanya bertanggungjawab** ke atas semua ini.

16. Saya ingin pinta supaya penjawat awam tidak tergolong di kalangan mereka ini yang tidak bertanggungjawab. Malah, **penjawat awam perlu memainkan peranan memperjelaskan dasar dan usaha Kerajaan** untuk menghuraikan keadaan sebenar. Dalam ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’, **rajin-rajinlah turun padang untuk melihat keadaan sebenar dan melaporkan kepada agensi penguatkuasa** tindakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengeksplorasi keadaan demi keuntungan mereka.

PENGGUNAAN WADAH MEDIA SOSIAL DALAM MENDEKATI RAKYAT

17. Apabila bercakap mengenai hubungan dan interaksi kita dengan rakyat, kita tidak terlepas daripada pengaruh dan kuasa media sosial. Media sosial sudah mula bertapak sebagai saluran media arus perdana. **Saya juga telah menyarankan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan untuk mewujudkan akaun Facebook dan Twitter masing-masing untuk berinteraksi dengan rakyat.** Kepesatan teknologi yang tidak pernah tewas dalam perlumbaan dengan masa, menyaksikan media sosial sering menjadi medium utama bagi suara rakyat. **Ada kalanya pandangan itu bernes dan bermanfaat, namun terdapat juga segelintir yang kurang sopan dan tidak berlandaskan kepada fakta dan kebenaran.**

18. Lalu, di sinilah peranan kita sebagai **penjawat awam untuk mengurus persepsi menerusi hikmah dan kebijaksanaan** apabila berhadapan dengan mereka yang menggunakan media sosial untuk menyebarkan maklumat palsu atau pandangan yang tidak benar. Jika ini tidak dilakukan, maka segala usaha penjawat awam dalam melaksanakan dasar kerajaan tidak akan peroleh kepercayaan rakyat sekali gus mencalarkan imej Kerajaan.

KEPRIHATINAN KERAJAAN TERHADAP PENJAWAT AWAM

Para hadirin sekalian,

19. Walau pun Kerajaan menghadapi pelbagai cabaran dalam mengurus hal ehwal ekonomi, sosial dan politik, namun **Kerajaan tidak mengabaikan kebijikan dan nasib penjawat awam.** Saya ingin menyatakan disini

bahawa apabila sesuatu dasar ingin dilaksanakan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan sentiasa bertanya apakah impak kewangan kepada penjawat awam. Ini mencerminkan betapa Perdana Menteri kita mengambil berat akan kebaikan penjawat awam. Dalam keadaan beberapa negara menghadapi kemelesetan ekonomi, pengangguran dan ketidakstabilan politik, Kerajaan Malaysia masih mampu menyediakan pelbagai ganjaran dan insentif kepada penjawat awam. Antaranya:

- kenaikan gaji penjawat awam sebanyak 7% hingga 13% berkuat kuasa 1 Januari 2012;
- penambahan gaji maksimum sebanyak 3 KGT (Kenaikan Gaji Tahunan) dalam struktur gaji bagi setiap gred untuk membolehkan pegawai yang berada di gaji maksimum menikmati Pergerakan Gaji Tahunan;
- penambahan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan bagi semua penjawat awam;
- kesetaraan pangkat anggota Angkatan Tentera Malaysia dan anggota Polis Diraja Malaysia dengan gred jawatan/gred gaji Perkhidmatan Awam Am berkuat kuasa 1 Januari 2013;
- kenaikan pencen minimum daripada RM720 kepada RM820 bagi mereka yang berkhidmat selama 25 tahun atau lebih pada 1 Januari 2012;
- kenaikan pencen tahunan sebanyak 2% setiap tahun mulai 1 Januari 2013; dan
- pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada tahun 2013 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.

20. Selain ganjaran dan insentif yang saya sebutkan tadi, Kerajaan juga mengambil langkah untuk memantapkan pembangunan kerjaya penjawat awam melalui **penambahbaikan 81 skim perkhidmatan** seperti yang diumumkan dalam Bajet 2014 yang merangkumi:

- kenaikan taraf skim perkhidmatan berikutan penetapan kelayakan masuk minimum kepada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Dengan penambahbaikan tersebut, skim-skim perkhidmatan di gred gaji 1 hingga gred gaji 10 di naik taraf kepada gred gaji 11;
- penggabungan skim perkhidmatan dengan tujuan mengembangkan pelbagai kepakaran/kemahiran, penambahbaikan peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai. Melalui proses ini, 19 skim perkhidmatan telah digabungkan kepada 7 skim perkhidmatan; dan
- pewujudan skim perkhidmatan bersepada dengan tujuan penambahbaikan peluang kemajuan kerjaya berdasarkan kesinambungan perkhidmatan yang melibatkan penggabungan 9 skim perkhidmatan kepada 5 skim perkhidmatan.

Untuk tahun 2014, seratus (100) lagi skim perkhidmatan akan dikaji semula dan ditambah baik.

21. Kerajaan turut mengambil berat tentang masalah kemampuan penjawat awam memiliki rumah dengan harga yang berpatutan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah melancarkan **Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)**. Ini adalah kesungguhan dan komitmen tidak berbelah bahagi Kerajaan untuk sentiasa mengutamakan penjawat awam yang merupakan nadi penggerak jentera pentadbiran Kerajaan. Sebagai contoh, di Putrajaya melalui skim PPA1M, sebanyak 10,639 unit akan dibina. Harga seunit adalah diantara RM150,000 ke RM300,000.

MENGADUN BAKAT BESTARI, MENCIPTA KEJAYAAN LESTARI

Para Hadirin yang dihormati,

22. Sudah pasti, untuk memacu Malaysia sebagai sebahagian daripada kelompok negara maju, Perkhidmatan Awam negara dengan jumlah 1.4 juta orang

penjawat awam dilihat sebagai aset modal insan yang berharga. Pun begitu, di era *Open Talent* atau Bakat Terbuka ini, penekanan diberikan kepada pegawai yang mempunyai pelbagai kemahiran atau *multi-skills*. Menyedari peredaran era yang begitu pantas, kita harus melihat pengurusan bakat menerusi perspektif yang berbeza; lensa baharu untuk realiti baharu. Mencatur modal insan perlu dilihat dari segi kemampuan menyumbang kepada keberhasilan yang negara perlukan.

23. Demi memastikan cita-cita pemerkasaan bakat terbaik, kita bukan sahaja perlu sentiasa mengasah, bahkan mempelbagaikan bakat dan kebolehan. Seiring dengan transformasi Perkhidmatan Awam, tugasan sesebuah bahagian di sesebuah jabatan tidak lagi tertakluk kepada gaya kerja rutin. Kini, sektor awam menjadi semakin elastik, bersifat fleksibel dan pantas beradaptasi. Justeru, kepelbagaian keupayaan pada seseorang pegawai berupaya memenuhi keperluan ini.
24. Dalam hal ini, saya suka memaklumkan bahawa pada tahun 2014, Perkhidmatan Awam negara telah diberi penghormatan dan kepercayaan untuk menganjurkan program persidangan dwi-tahunan *Commonwealth Association for Public Administration and Management* (CAPAM) di Malaysia pada bulan Oktober tahun ini. Ini merupakan satu peluang keemasan untuk kita menunjukkan kebolehan dan keupayaan kepada seluruh dunia dengan penganjuran yang bertaraf dunia tersebut.
25. Dalam konteks ini, saya ingin mengajak semua agensi sektor awam untuk menyahut cabaran dan mempamerkan kehebatan Malaysia dalam kalangan negara-negara Komanwel dengan menyertai Anugerah Inovasi CAPAM 2014. Buktiakan kepada dunia bahawa kita boleh melakukannya.

PECUTAN TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM: STRATEGI INOVATIF, PENDEKATAN KOLABORATIF

Hadirin sekalian,

26. Sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Ucapan Bajet 2014, Transformasi Perkhidmatan Awam menjadi satu

kemestian bagi mengukuh dan menyusun semula organisasi supaya relevan dengan perkembangan semasa. Malahan, usaha ini perlu dilaksanakan di semua kementerian. Sehubungan itu, kita telah memastikan **dua agensi yang menjadi enjin utama Kerajaan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan Negara memulakan agenda transformasi ini**. Sebagai agensi perintis, kedua-dua agensi utama ini menjadi contoh terbaik sama ada dari segi penstrukturkan organisasi, sistem dan cara kerja atau pun etos dan budaya jabatan.

27. Kini, transformasi Jabatan Perkhidmatan Awam dilaksanakan melalui Kerangka Kerja Transformasi JPA (KTJPA) yang bermatlamatkan untuk mewujudkan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat. Di bawah kibaran panji transformasi, penstrukturkan semula organisasi di JPA berdasarkan pengoptimuman perjawatan berjaya menjimatkan kos emolumen sebanyak RM15.6 juta melalui pengurangan 577 jawatan.
28. Mengukuhkan lagi kewangan dan ekonomi negara, kita turut berusaha menentukan Program Transformasi Perbendaharaan (TTP) dipergiatkan dengan lebih pantas. Kita telah menetapkan agar kecekapan pengurusan kewangan perlu dipacu berdasarkan prinsip *Integrity, Collaboration, Solution Focused and High Performance* yang melibatkan penubuhan bahagian baharu, penjenamaan semula Bahagian/Unit berdasarkan fungsi utama, serta pemantapan Bahagian sedia ada melalui pendekatan yang lebih strategik dan inovatif.

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN: MERANCAK PELAKSANAAN BERIMPAK

29. Sebagai strategi penjimatan perbelanjaan Kerajaan pula, kolaborasi strategik melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) perlulah di perkasa bukan sekadar merentasi kementerian dan jabatan, malahan ia perlu bermula di peringkat unit, seksyen dan bahagian di sesebuah kementerian atau jabatan. Strategi NBOS akan terus dipergiat berpaksikan empat (4) prinsip utama iaitu:

- Impak positif yang tinggi (faedah ketara kepada Rakyat);
 - Kos yang minima (kos yang lebih rendah daripada kaedah konvensional);
 - Pelaksanaan Pantas (impak dapat dirasai dalam masa yang singkat); dan
 - Perubahan yang Mampan (boleh diaplikasikan untuk projek yang lain & perubahan minda serta budaya).
30. Manifestasi kejayaan strategi NBOS dapat dilihat dengan jelas menerusi inisiatif *Urban Transformation Centre* (UTC). UTC telah mendapat sambutan yang begitu hebat apabila seramai 5.3 juta rakyat telah menikmati pelbagai kemudahan berurusan dengan Kerajaan di tujuh (7) UTC seluruh negara. Pencapaian ini adalah begitu memberangsangkan dan pastinya memberi impak yang besar kepada imej Perkhidmatan Awam negara.

PERKHIDMATAN AWAM SEBAGAI PERKHIDMATAN RAKYAT

Para hadirin sekalian,

31. Penggal terakhir sebelum detik bersejarah tahun 2020 akan memperlihatkan usaha transformasi Perkhidmatan Awam terus di perkasa. Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai sebuah perkhidmatan rakyat, konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam telah diperkenalkan dimana sebuah Perkhidmatan Awam yang unggul adalah berteraskan 6 prinsip utama iaitu:

- Keterbukaan – bermaksud mengamalkan minda terbuka dan sentiasa mudah untuk didekati oleh pelanggan yang memerlukan khidmat kita;
- Turun Padang – bermakna sentiasa pasang telinga dan buka mata seluas-luasnya untuk mendengar dan melihat sendiri keperluan dan ekspektasi pelanggan;

- Musyawarah – bermaksud memperhebatkan lagi penglibatan kita dengan pelanggan menerusi *engagement* serta memberi penerangan dengan jelas terhadap mereka;
- Insaniah – bermakna setiap penjawat awam harus menyeimbangkan antara kehidupan rohani dan kesihatan jasmani dalam cara kita bekerja;
- Kekitaan – bermaksud meraikan perbezaan sumber dan mengukuh persamaan; dan
- Kerjasama Awam, Swasta dan NGO – bermakna memperkasakan lagi perkongsian sumber dengan mengadakan kolaborasi dengan mereka dan sentiasa berusaha mencapai permuafakatan.

SELEKOH AKHIR WAWASAN, PECUTAN AKHIR KESUNGGUHAN

Para penjawat awam yang saya hormati sekalian,

32. Perjalanan kita bagi mencapai impian dan aspirasi menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi semakin singkat menjelang tahun 2020. Kita mesti bersedia dengan strategi baharu agar pecutan di selekoh akhir wawasan tidak tergendala. Kerajaan telah bersetuju supaya Jabatan Perkhidmatan Awam bekerjasama dengan pihak United Nations Development Programme (UNDP) menjalankan satu kajian khusus bagi memastikan Perkhidmatan Awam berupaya melaksanakan program-program transformasi secara sistematik, berpandukan mandat dan objektif yang ditetapkan bagi setiap kementerian.

33. Dengan itu, saya menyeru semua Ketua Jabatan supaya mula memikir dan merancang strategi dan pengisian RMKe-11 yang akan menjadi prakarsa mega terakhir untuk merealisasikan Wawasan 2020 ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

MELAFAZ IKRAR, MENGGENGHAM JANJI: KOMITMEN PERKHIDMATAN AWAM 2014

34. Jendela tahun baharu 2014 hadir di kala ekspektasi dan cabaran terhadap Perkhidmatan Awam begitu getir dan mencabar. Kebimbangan mengenai kenaikan harga barang dan peningkatan kos sara hidup begitu meresahkan rakyat termasuklah kita. Sedar atau tidak, keputusan Kerajaan memberi pelbagai ganjaran dan insentif pada tahun 2013 telah meringankan beban yang ditanggung oleh penjawat awam. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyatakan **sekiranya kedudukan ekonomi bertambah kukuh, hasil negara makin meningkat, pelbagai insentif dan kemudahan untuk penjawat awam boleh dipertimbangkan dari semasa ke semasa.**
35. Sebelum saya mengakhiri amanat pada petang yang berbahagia ini, adalah diingatkan bahawa berdepan dengan kehendak pelanggan yang semakin meningkat dan mencabar pada hari ini, memerlukan penjawat awam yang boleh “berfikir” atau “*the thinking public service*”. Justeru, kita tidak punya pilihan melainkan harus bertekad mulai saat ini untuk melaksanakan transformasi Kerajaan. Saya berdoa agar permulaan tahun baharu 2014 akan menjadi titik permulaan kepada kita untuk memecut dengan lebih pantas ke destinasi yang kita iltizam.
36. **Sedarlah sekiranya kita masih dilamun kelekaan, Bangkitlah sekiranya kita masih dibelenggu kealpaan, Marilah kita bersama-sama berganding bahu, berdiri teguh dengan Kerajaan, memperkasakan Agenda Transformasi Negara, menjadi sebuah negara maju disegani di persada antarabangsa, dan menjadikan Perkhidmatan Awam yang diyakini seluruh rakyat dan generasi akan datang.** Bangkit dan bingkaslah bersama saya dan kepimpinan Perkhidmatan Awam yang lain untuk “Meneruskan Momentum Transformasi, Merakyatkan Perkhidmatan Awam” dan bergerak seiringan, mudah-mudahan Wawasan 2020 yang kita sasarkan akan menjadi realiti. Insya Allah.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.